

Analisis Hadis Nabi SAW Tentang Khabar Gembira Allah Terhadap Golongan Orang Kurang Upaya (OKU)

(Analysis of Prophet PBUH's Hadīths on Allah's Good News Toward Disabled People)

Siti Nadia Ashari

Jabatan Pengajian Quran dan Sunnah, Abdul Hamid Abu Sulaiman, Kuliah Ilmu Wahyu Dan Sains Kemanusiaan,
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

Nur Arif Jasmin al-Austum

Jabatan Pengajian Quran dan Sunnah, Abdul Hamid Abu Sulaiman, Kuliah Ilmu Wahyu Dan Sains Kemanusiaan,
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

Abstrak

Orang Kurang Upaya (OKU) seringkali dikaitkan dengan beban atau musibah sama ada daripada pihak penjaganya ataupun individu yang dikaitkan dengan kekurangan itu sendiri. Persepsi ini telah mengundang rasa sedih dan pilu bagi kebanyakan mereka kerana merasakan kewujudan mereka seolah-olah tidak berguna. Justeru, pelbagai usaha dan inisiatif telah dijalankan untuk memastikan hak-hak mereka terpelihara selain mengiktiraf keberadaan mereka dalam masyarakat tipikal berikut hasil daripada kefahaman yang jelas tentang kedudukan mereka seperti yang telah digariskan Islam berpandukan wahyu daripada al-Quran dan hadis. Oleh itu, artikel ini didatangkan bertujuan untuk menyingkap khabar gembira yang telah dijanjikan oleh Allah kepada golongan OKU dengan menganalisis hadis-hadis Nabi SAW yang telah disampaikan sejak dahulu. Sebanyak enam buah hadis utama telah dikumpulkan dan dianalisis secara deskriptif dalam menyingkap janji Allah terhadap golongan ini. Hasil kajian mendapat bahawa kekurangan fizikal seseorang akan digantikan dengan kesempurnaan yang tiada tara di akhirat kelak. Selain itu, mereka juga akan terselamat daripada azab, diberikan keampunan, diangkatkan darjah dan dijanjikan syurga berkat kesabaran mereka dalam menerima kekurangan tersebut. Kajian ini juga mendapat bahawa lima daripada enam buah hadis berstatus Sahih, manakala sebuah daripadanya berstatus Hasan.

Kata kunci: Hadis, Khabar Gembira, Musibah, Orang Kurang Upaya, Sahih.

Abstract

People with disabilities (PWDs) are often perceived as burdens or misfortunes, either by their caregivers or by the individuals themselves. This perception has led to significant sadness and bitterness, as they feel their existence is undervalued. Consequently, various efforts and initiatives have been undertaken to ensure their rights are preserved and recognize their position in society, as outlined in Islamic teachings based on revelations from the Quran and hadīth. This article aims to elucidate the good news promised by Allah to the disabled community by analyzing the hadīths conveyed by the Prophet Muhammad (SAW) since ancient times. The six main hadiths were collected and analyzed descriptively to uncover Allah's promises to this community. The findings indicate that an individual's physical deficiencies will be replaced with incomparable perfection in the afterlife. Additionally, they will be spared from punishment, granted forgiveness, elevated in rank and promised heaven due to their patience in accepting their shortcomings. The study also revealed that five out of the six hadiths are classified as Sahih (authentic), while one is categorized as Hasan (good).

Article Progress
Received: 08 January 2025
Revised: 22 January 2025
Accepted: 05 March 2025

Keywords: Good News, Hadīth, Misfortune, People with Disabilities, Sahīh.

1. PENGENALAN

Islam merupakan agama universal yang berteraskan wahyu daripada al-Quran dan Hadis. Allah yang Maha sempurna atas nama al-Khāliq al-Bāri' menciptakan sesuatu dengan penuh teliti. Dan setiap ciptaan-Nya bersujud dan bertasbih mengagungkan-Nya. Lalu diciptakan manusia dalam rupa bentuk dan warna kulit yang pelbagai untuk mengimarahkan bumi. Dia juga mengutuskan Rasul-Nya Muhammad SAW sebagai penyampai khabar gembira (al-bashārah) kepada umat manusia keseluruhannya. Allah berfirman:

“Dan tiadalah Kami mengutusmu (wahai Muhammad) melainkan untuk umat manusia seluruhnya, sebagai Rasul pembawa berita gembira (kepada orang-orang yang beriman)..” [Saba', 34: 28]

Ketika menyoroti tafsir ayat ini, jumhur mufassirin bersepakat menyatakan bahawa khabar gembira yang dimaksudkan ialah Syurga yang menjadi nikmat yang paling agung bagi mereka yang mentaati perintah-Nya dan meninggalkan larangan-Nya. Al-Tabari (2000) turut memperincikan umat keseluruhannya adalah dengan tidak mengira bentuk dan fizikal termasuk bahasa pertuturan mereka. Nabi SAW juga pernah bersabda dalam hadisnya yang bermaksud:

“Sesungguhnya Allah tidak melihat kepada rupa paras dan harta kalian, tetapi Allah melihat kepada hati dan amal (perbuatan) kalian.” [Riwayat Muslim; Sahih Muslim, no. hadis: 2564]

Hadis ini dengan jelas menyatakan bahawa Allah tidak memandang dalam erti kata menilai seseorang melalui rupa paras fizikalnya sama ada kecil atau besar, sihat atau berpenyakit, cantik mahupun jelek dan tidak pula memandang dari sudut harta atau kedudukan serta keturunannya, sama ada miskin ataupun kaya, mulia ataupun hina, sebaliknya Allah hanya menilai seseorang melalui hatinya yang menjadi tempat kembalinya seorang hamba kepada Tuhan (Ibn Uthaimin, 2004).

Maka jelas disini bahawa golongan Orang Kurang Upaya (OKU) dan mereka yang diuji dengan musibah sama ada dalam bentuk kesihatan ataupun harta tidak terkecuali daripada mendapat perhatian Allah. Secara tidak langsung, mereka juga layak mendapat bimbingan dan rangsangan melalui janji-janji dan khabar gembira yang akan dibincangkan dalam kajian ini, bahkan mereka adalah yang terlebih utama untuk dibantu dari sudut spiritual dan mental kerana ketidakupayaan dan keterbatasan mereka dalam menjalani kehidupan seperti golongan tipikal.

1. PERMASALAHAN KAJIAN

Isu berkaitan OKU ini sudah lama diperkatakan di negara kita Malaysia, bahkan ia telah menjadi isu perbahasan dunia. OKU bukan sahaja tidak berupaya dari segi kudrat mereka, bahkan sikap golongan tipikal dan persekitaran yang tidak membantu lebih melemahkan keupayaan golongan ini (National Council for The Blind Malaysia, 2017). Hal ini kerana mereka adalah sebahagian daripada anggota masyarakat yang mempunyai hak dan kelayakan untuk mendapatkan kualiti kehidupan yang lebih baik. Namun, menurut laporan Akta OKU (2008), hasil kajian PBB telah menyingkap sejumlah hampir 80 peratus OKU sedunia hidup dalam kemiskinan (Izzatul Najiha Baharudin dan Farhah Zaidar Mohamed Ramli, 2020).

Walaupun pelbagai inisiatif dan usaha beserta bimbingan dan bantuan fizikal telah diberikan demi membela nasib mereka, di samping mengangkat golongan ini di mata masyarakat, namun OKU juga perlu kepada bimbingan mental dan spiritual yang bertunjangkan wahyu. Antaranya termasuklah kefahaman dan keyakinan yang benar terutamanya dalam mengimani dan mempercayai janji-janji dan khabar gembira yang Allah telah sampaikan melalui hadis-hadis Nabi Muhammad SAW terhadap mereka. Kajian ini merupakan satu alternatif untuk membantu mereka membina motivasi yang unggul dalam menjalani kehidupan dengan penuh yakin dan semangat.

2. METODOLOGI

Kajian ini menggunakan metode kualitatif dengan mengumpulkan hadis-hadis Nabi SAW daripada kitab-kitab hadis yang muktabar seperti Sahih al-Bukhari, Sahih Muslim, dan lain-lain, dan seterusnya disusun berdasarkan kaedah tematik. Kajian ini turut menganalisa dokumen termasuk kitab-kitab kefahaman hadis (*Fiqh al-Hadith*) melalui penulisan ulama dalam mensyarahkan hadis (*Syarh al-Hadith*) seperti *Fath al-Bari*, *'Umdah al-Qari* serta kandungan selainnya. Penganalisaan data selanjutnya dilakukan secara deskriptif.

3. DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian membahagikan perbincangan kepada subtopik seperti yang akan dihuraikan dalam perbincangan berikut:

4.1 Definisi OKU dan Pembahagiannya

Pelbagai terminologi yang digunakan dalam mendefinisikan Orang Kurang Upaya (OKU). Antara yang paling masyhur penggunaannya ialah definisi yang dikemukakan oleh Akta Orang Kurang Upaya 2008 (Akta 658) iaitu merujuk kepada mereka yang mempunyai kekurangan jangka panjang fizikal, mental, intelektual, atau deria yang apabila berinteraksi dengan pelbagai halangan, boleh menyekat penyertaan penuh dan berkesan mereka dalam masyarakat (Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia (JKM), 2019).

Dalam National Assistance Act 1948 di Britain, OKU ditakrifkan sebagai seorang yang buta, pekak, atau bisu, atau sesiapa yang secara kekal atau sementara menjadi tidak upaya atau cacat disebabkan oleh kesakitan, kecederaan, atau kecacatan sejak lahir atau lain-lain yang dinyatakan oleh menteri (Blaxter, 1976).

Selain itu, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) pula mendefinisikan OKU sebagai seseorang yang tidak dapat memenuhi sepenuhnya atau sebahagian daripada keperluan hidup sosialnya sebagai seorang individu yang normal, akibat daripada kekurangan fizikal dan mental. Takrif yang hampir sama turut dikemukakan oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) dalam menterjemahkan OKU, iaitu individu yang tidak berupaya menentukan sendiri sebahagian keperluan dirinya atau tidak dapat hidup bermasyarakat sepenuhnya disebabkan sesuatu kekurangan sama ada dari segi fizikal ataupun mental dan memerlukan bantuan daripada orang lain untuk meneruskan kehidupan mereka (Zinaida Ariffin, 2006).

Menurut Ab Aziz Mohd Zin, et al. (2009), OKU Malaysia boleh dikategorikan kepada dua kumpulan masyarakat iaitu kumpulan kanak-kanak istimewa atau kanak-kanak berkeperluan khas dan kumpulan golongan istimewa dewasa dan warga tua. Manakala Izzatul Najihah Baharudin dan Farhah Zaidar Mohamed Ramli (2020) pula membahagikan OKU kepada dua kelompok mengikut ketidakupayaan sama ada bersifat kekal seperti golongan buta atau pekak, atau bersifat sementara seperti ibu mengandung dan individu yang sakit atau tercedera.

Ringkasnya, pengkaji dapat melihat perbezaan definisi dan pembahagian tersebut mencakupkan maksud bagi terma OKU kepada lingkungan ketidakupayaan seseorang melakukan sesuatu aktiviti kerana kegagalan salah satu fungsi anggota atau deria tubuh dalam memberi tindak balas yang sepatutnya, sama ada bersifat kekal atau sementara yang berpunca daripada faktor luaran seperti kecelakaan, atau faktor semulajadi seperti keturunan dan usia yang memerlukan mereka kepada bantuan sekeliling.

4.2 Kategori Orang Kurang Upaya

Menurut Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia (JKM), Orang Kurang Upaya (OKU) dapat diklasifikasikan kepada tujuh kategori. Huraiannya adalah seperti dalam jadual berikut:

Jadual 1: Kategori Orang Kurang Upaya (OKU)

Bil	Kategori	Huraian	Tahap/ Contoh
1	Kurang Upaya Penglihatan	Tidak dapat melihat atau mengalami penglihatan terhad di kedua-dua belah mata walaupun dengan menggunakan alat bantu penglihatan.	Terdapat dua tahap: 1. Terhad (<i>Low Vision</i>) 2. Buta (<i>Blind</i>)
2	Kurang Upaya Pendengaran	Tidak dapat mendengar dengan jelas di kedua-dua telinga tanpa menggunakan alat bantuan, atau langsung tidak mendengar walaupun dengan alat bantuan.	Terdapat dua tahap: 1. Kurang pendengaran 2. Pekak
3	Kurang Upaya Pertuturan	Tidak boleh bertutur sehingga menyebabkan gangguan berkomunikasi dengan sempurna dan tidak difahami oleh orang yang berkomunikasi dengannya.	Keceluaran Motor pertuturan, Gagap, Keceluaran Resonan.
4	Kurang Upaya Fizikal	Ketidakupayaan anggota badan sama ada kehilangan atau tiada suatu anggota atau ketidakupayaan di mana-mana bahagian badan sehingga tidak dapat melakukan aktiviti asas.	Palsi Serebrum, Kerdil, kecederaan otak, kecacatan anggota badan termasuk kehilangan ibu jari.
5	Masalah Pembelajaran	Masalah kecerdasan otak yang tidak selaras dengan usia biologikal. Mereka yang tergolong dalam dalam kategori ini adalah lewat perkembangan global, Sindrom Down dan kurang upaya intelektual.	<i>Autisme, ADHD, Dyslexia, Dyscalculia dan Dysgraphia</i>
6	Kurang Upaya Mental	Keadaan penyakit mental yang teruk dan telah diberi rawatan atau telah diberi diagnosis selama sekurang-kurangnya dua tahun oleh pakar psikatri.	<i>Squizofrenia, Paranoid, Mood Disoder, Psychotic Disorder</i>
7	Pelbagai (<i>Mutiple Disabilities</i>)	Mempunyai lebih daripada satu jenis keupayaan, dan tidak sesuai diklasifikasikan dalam kategori satu hingga enam.	

4.3 Sekilas Pandang Sunnah Dalam Menyantuni Golongan OKU

Selaras dengan objektif perutusan Baginda Nabi SAW sebagai penyampai risalah Islam sekaligus pembawa Rahmat ke sekalian alam dapat dilihat melalui contoh teladan serta perilaku Baginda yang sangat unggul ketika berinteraksi dengan golongan OKU. Antara yang jelas dapat diperhatikan melalui sunnah Baginda adalah:

i. Mengamalkan Konsep Kesamarataan

Dalam konteks sosial misalnya, Nabi SAW sentiasa memberikan layanan yang sama kepada para sahabat OKU dan tidak menjadikan kekurangan mereka sebagai kayu ukur untuk membenarkan mereka menyertai masyarakat. Buktinya, Baginda telah melantik tokoh besar OKU Islam, ‘Abdullah bin Ummi Maktum sebagai tukang azan bersama Bilal bin Rabah di Masjid Nabawi, di samping beliau turut diutuskan ke Madinah untuk berdakwah bersama Mus’ab bin ‘Umair sebelum peristiwa hijrah (Mohd Khairulnazrin Mohd Nasir, Muhammad Arif Yahya, dan Rahim Kamarul Zaman, 2019).

Perkara yang sama dilihat adalah ketika wujudnya sahabat OKU yang berketerampilan dalam periyawatan hadis, bahkan berperanan menjadi pakar rujuk dalam kalangan para sahabat yang lain. Beliau yang dimaksudkan ialah ‘Abdullah bin Mas’ud yang merupakan OKU fizikal. Hal ini menunjukkan beliau tidak terlepas daripada mempelajari dan meriwayatkan hadis daripada Baginda SAW (Mohd Khairulnazrin Mohd Nasir et al., 2019). Tindakan ini menunjukkan bahawa Nabi SAW sama sekali tidak menafikan kebolehan para sahabat Baginda, bahkan meraikan kebolehan mereka dengan memberikan ruang untuk mereka menyertai masyarakat tipikal. Hal ini jelas menunjukkan bahawa hak-hak OKU telahpun digariskan Baginda SAW sejak dahulu.

ii. Mengajurkan Sikap Empati Terhadap OKU

Empati didefinisikan sebagai suatu daya menyelami dan memahami perasaan atau emosi orang lain (Kamus Dewan Bahasa, 2005). Sebahagian OKU tidak hanya semata-mata mengharapkan ihsan dan belas kasihan orang sekeliling, akan tetapi kebanyakan mereka memerlukan masyarakat bersikap empati dengan memahami keperluan serta tidak mengambil hak mereka (Aizan Sofia Amin, Hammad Mohd Saidi, Nur Saadah Mohamad Aun, Mohd Nasir Selamat, dan Mohd Iqbal Haqim Mohd Nor, 2018). Antara sikap empati Nabi SAW ketika berinteraksi dengan golongan ini adalah dengan menghabarkan berita gembira buat mereka.

Misalnya, kisah Thabit bin Qais yang merupakan OKU pendengaran. Al-Wāhidi (1992) menjelaskan bahawa beliau yang gelisah setelah turunnya ayat larangan meninggikan suara melebihi suara Nabi SAW telah mengasingkan diri daripada Baginda kerana bimbang akan masuk ke dalam neraka disebabkan oleh keadaannya yang kurang pendengaran. Nabi SAW yang memahami emosi Thabit ketika itu, lantas menunjukkan sikap empati Baginda terhadapnya dan meraikannya dengan menyampaikannya khabar gembira dengan bersabda:

“Sesungguhnya dia (Thabit) adalah ahli syurga.” [Riwayat Muslim; Sahih Muslim, no hadis: 119]

iii. Memberikan Rukhsah Atau Keringanan

Dalam meraikan keterbatasan OKU dalam melakukan sesuatu perkara misalnya dalam konteks beribadah seperti solat, puasa, haji dan ibadah-ibadah yang lain, Nabi SAW turut memberikan ruang kepada mereka untuk menjalani ibadah yang ditaklifkan sama seperti golongan fizikal, namun berbeza mengikut kemampuan dan keupayaan masing-masing. Sebagai contoh: Daripada Imran bin Husain, beliau berkata: Saya telah terkena buasir, lalu saya bertanyakan kepada Nabi SAW tentang solat, lantas Baginda bersabda:

“Solatlah dalam keadaan berdiri, sekiranya kamu tidak mampu, solatlah dalam keadaan duduk, sekiranya kamu tidak mampu, maka (solatlah) di atas lambung kanan.” [Riwayat al-Bukhari; Sahih al-Bukhari, no hadis: 1117]

Demikianlah juga perkara yang sama ketika Baginda bersabda:

“Apa yang saya larang kamu, jauhilah, dan apa yang saya perintahkan kepada kamu, kerjakanlah semampu kamu.” [Riwayat al-Bukhari; Sahih al-Bukhari, no hadis: 7288]

Ringkasnya, OKU sama ada penglihatan, pendengaran, fizikal dan lain-lain yang memiliki akal yang sempurna termasuk dalam kumpulan orang yang layak mendapatkan hak-hak yang syarak telah tetapkan. Namun begitu, mereka diberi rukhsah kerana keuzuran yang dan kekurangan mereka serta layak mendapat pengecualian hukum-hakam yang memerlukan kepada anggota yang tidak upaya untuk dilaksanakan. (Azman Ab Rahman, Muhammad Faiz Abd. Shakor, Norakyaree Mohd Raus, Mohd Nur Adzam Rasdi, Ahmad Wifaq Mokhtar, Zahari Mahad Musa, dan Nurul Nadia Nozlan, 2022).

4.4 Analisis Hadis Nabi SAW Tentang Khabar Gembira Allah Terhadap Golongan OKU

Terdapat banyak riwayat yang menceritakan khabar gembira buat OKU daripada pelbagai jenis kategori seperti yang telah lalu pada perbincangannya sebelum ini telah dirakamkan dalam sejarah Islam. Antara kupasannya adalah seperti berikut:

i. Dijanjikan Syurga

عن أنس بن مالك رضي الله عنه، قال: سمعت النبي ﷺ يقول: «إِنَّ اللَّهَ قَالَ: إِذَا ابْتَلَيْتُ عَبْدِي بِحَبْيَانِي فَصَبَرَ، عَوَضْتُهُ مِنْهُمَا الْجَنَّةَ»
بُرِيدُ: عَيْنَيْهِ.

Dari pada Anas bin Malik, beliau berkata: Saya telah mendengar Nabi SAW bersabda: “Sesungguhnya Allah telah berfirman: Apabila Aku menguji hamba-Ku dengan (penyakit) pada kedua matanya, lalu kemudian dia bersabar, nescaya Aku akan menggantikan kedua-duanya dengan syurga.”[Riwayat al-Bukhāri, Sahīh al-Bukhāri, no: 5653]

Hadis Qudsi ini menceritakan janji terbesar Allah kepada hambanya yang bersabar tatkala diuji dengan musibah pada kedua-dua matanya semasa di dunia. Al- ‘Asqalāniy (1957) ketika mensyarahkan hadis ini, beliau menyatakan bahawa Rasulullah SAW menggunakan lafadz (الحبيب) yang membawa maksud ‘kekasih’ kerana mata merupakan anggota tubuh manusia yang paling dikasihinya berbanding anggota yang lain, selain daripada fungsi mata yang menimbulkan rasa kasih di dalam hati.

Kehilangan kedua-dua anggota ini merupakan ujian yang sangat besar untuk seseorang individu. Namun, Allah tidak menguji penglihatan seseorang kerana kemurkaan-Nya terhadap hamba tersebut, sebaliknya Allah telah melakukan ihsan kepadanya dengan menjadikan kekurangannya itu sebagai benteng yang menghalangnya daripada terus melakukan dosa, atau untuk mengampunkan dosa-dosa yang tidak akan terampun melainkan dengan mengambil penglihatannya agar hamba-Nya dapat kembali kepada-Nya dalam keadaan bersih daripada dosa (Ibn Battal, 2003). Hal ini seolah-olah terlihat seperti jalan pintas buat mereka yang OKU penglihatan untuk memperolehi syurga.

Tidak hanya sedemikian, terdapat banyak kisah lain yang menjanjikan OKU selain penglihatan dengan janji syurga antaranya seperti kisah Thabit bin Qais yang telah lalu, dan kisah Ummu Zufar yang akan datang dalam perbincangan seterusnya.

Sungguhpun demikian, pengkaji melihat bahawa kunci utama yang menjadi sebab pertukaran janji ini termeterai adalah sabar dengan ujian dan sentiasa bersangka baik dengan janji Allah. Ketika membicarakan perihal sabar, para ulama telah menggariskan beberapa panduannya, iaitu tidak mengeluh kekurangan dan kesusahan yang dihadapi, sebagaimana tidak berasa risau dan tidak menunjukkan perasaan tidak senang dengan kekurangan tersebut (Al- ‘Aini, tt), di samping sentiasa mengingati dan mengharapkan janji Allah, iaitu syurga (Al- ‘Asqalāniy, 1957) dan menerima dengan penuh rasa syukur dan redha dengan ketentuan Allah terhadapnya (Ibn Mulaqqin, 2008). Hal ini kerana sabar dengan ketentuan merupakan taklif yang paling berat, namun tiada yang lebih baik melainkan redha dengan ketentuan itu (Ibn al-Jauzi, 2004).

Pengkaji dapat menyimpulkan di sini bahawa orang yang diuji dengan masalah penglihatan ini akan digantikan kekasih yang ditarik nikmatnya yang sementara ketika di dunia dengan nikmat yang berkekalan di akhirat. Hal ini kerana bersenang-senang dengan nikmat penglihatan akan binasa seiring dengan kebinasaan dunia, sedangkan bersenang-senang dengan nikmat syurga itu akan kekal dengan berkekalan syurga (Al- ‘Asqalāniy, 1957).

ii. Digantikan Dengan Anggota Yang Sempurna

عن أبي قتادة رضي الله عنه قال: أتى عمرو بن الجموح إلى رسول الله صلوات الله عليه وآله وسلامه فقال: يا رسول الله أرأيت إن قاتلت في سبيل الله حتى أقتل أمشي برجلي هذه صحيحة في الجنة؟ وكانت رجله عرجاء، فقال: رسول الله صلوات الله عليه وآله وسلامه: "نعم"، فقتلوا يوم أحد هو وابن أخيه ومولى لهم، فمر رسول الله صلوات الله عليه وآله وسلامه ، فقال: «كَأَيِّ انْظُرٌ إِلَيْكَ تَمْشِي بِرِجْلِكَ هَذِهِ صَحِيحَةٌ فِي الْجَنَّةِ...»

Daripada Abu Qatadah RA, beliau berkata: ‘Amr bin Jamuh telah datang menemui Rasulullah SAW, lalu beliau bertanya: Wahai Rasulullah, khabarkan kepada saya, sekiranya saya berperang pada Allah sehingga saya terbunuh (shahid), adakah saya dapat berjalan dengan kedua kaki saya ini dengan sempurna? Sedangkan beliau berkaki tempang. Lantas Rasulullah SAW menjawab: “Ya”. Maka tatkala mereka, ‘Amr bin Jamuh, dan anak saudaranya, serta maula mereka terbunuh pada peperangan Uhud, Rasulullah SAW lalu menghampiri (mereka), lantas Baginda bersabda: “Sesungguhnya saya sedang melihat kamu sedang berjalan dengan kedua kaki kamu dengan sempurna di dalam syurga...”[Riwayat Ahmad, Musnad Ahmad, no: 22553. Al-Albani menghukumkan hadis ini sebagai Hasan, begitu juga al-Syeikh Shu‘aib al-Arnauth].

Hadis ini memberi perkhabaran bahawa kekurangan fizikal seseorang akan digantikan semula dengan anggota yang cukup sempurna ketika di syurga. Terdapat riwayat lain yang menyoroti makna hadis ini dengan makna yang lebih luas. Antaranya ialah hadis yang diriwayatkan oleh al-Tirmizi dalam *Asy-Syamail al-Muhammadiyyah*, peristiwa ketika Rasulullah SAW ditanya oleh seorang nenek tua yang bertanyakan kepada Baginda sama ada dirinya layak memasuki syurga atau tidak, lalu Baginda menjawab dalam nada bergurau;

“Wahai Ibu si Fulan! Sesungguhnya syurga tidak akan dimasuki oleh nenek tua.”
Nenek tua itu pun berlalu pergi sambil menangis. Lantas Baginda mengatakan:

“Khabarkanlah kepadanya bahawa beliau tidak akan masuk surga dalam keadaan seperti nenek tua. Sesungguhnya Allah SWT berfirman (yang bermaksud): Sesungguhnya Kami telah menciptakan isteri-isteri mereka dengan ciptaan istimewa, serta Kami jadikan mereka sentiasa dara (yang tidak pernah disentuh), yang tetap mencintai jodohnya, serta yang sebaya umurnya.” [Al-Waqi‘ah; 56, 35-37]. [Riwayat Tirmizi; al-Syamail al-Muhammadiyyah, no hadis: 230]

Berita yang dikhaskan ini menunjukkan bahawa Allah tidak hanya menggantikan anggota yang hilang bahkan turut menggantikan rupa paras mereka yang sempat merasakan usia tua ketika di dunia dan telah menghabiskan masa serta tenaganya dengan penuh keuzuran dengan suatu ganti yang indah dengan dilahirkan semula sebagai gadis-gadis cantik (Mulla ‘Ali Qari: 2007). Perkara yang sama ketika menjawab perihal penghuni syurga, Zulkifli Mohamad Al-Bakri (2022) berpendapat bahawa tinggi penghuni syurga adalah 60 hasta berdasarkan hadis yang Sahih. Beliau menambah bahawa ahli syurga akan masuk syurga dalam keadaan muda dan remaja serta bercelak, bahkan usia mereka ialah sekitar 33 tahun, kerana usia tersebut merupakan puncak dan keadaan paling sempurna dalam merasakan kenikmatan.

Justeru dapat difahami bahawa kesemua ahli syurga akan dibangunkan oleh Allah SWT dalam rupa bentuk yang sangat cantik dan sempurna. Ini menunjukkan bahawa apa sahaja bentuk kekurangan fizikal termasuk keuzuran dan rupa paras itu hanya bersifat sementara kerana Allah akan menggantikan sesuatu yang jauh lebih baik yang bersifat kekal di akhirat kelak.

iii. Tidak Diazab Di Akhirat

عن عليٰ بن أبي طالبٍ رضيَ اللهُ عنهُ: أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: «رُفِعَ الْقَلْمَنْ عَنِ الْتَّائِمِ حَتَّىٰ يَسْتِيقْظَ، وَعَنِ الصَّبَّيِ حَتَّىٰ يَحْتَلِمْ، وَعَنِ الْجُنُونِ حَتَّىٰ يَعْقِلَ»

Daripada ‘Ali bin Abu Talib RA, sesungguhnya Nabi SAW telah bersabda: “Pena (catatan amalan) akan diangkat daripada tiga golongan: Daripada seorang yang tidur sehingga dia tersedar, dan daripada kanak-kanak sehingga dia bermimpi (baligh), dan daripada seorang yang gila sehingga dia (kembali) berakal.” [Riwayat Abu Daud, Sunan Abu Daud, no: 4403, al-Tirmizi, Sunan al-Tirmizi: no. 1423, al-Nasaie, Sunan al-Nasaie, no: 5596, Ibn Majah, Sunan Ibn Majah, no: 2041].

Hadis ini menceritakan bahawa terdapat halangan dalam keadaan-keadaan tertentu yang menyebabkan seseorang itu bebas daripada dihitung amalan perbuatannya dan terselamat daripada diazab. Dalam konteks perbincangan, terdapat beberapa kategori OKU yang telah disenaraikan terlepas daripada hukum taklif. Mereka ini khusus kepada golongan yang kurang akal atau autisma tahap yang teruk yang melibatkan kehilangan fungsi akal untuk membezakan antara baik dan buruk dan gagal memahami hukum syarak. Golongan ini digugurkan dan dihilangkan kelayakan hukum taklif sama seperti orang gila (Syed Shahridzan Syed Mohamed, 2022).

Justeru, Ibn al-Jauzi (2004) menyifatkan golongan ini sebagai mereka yang sentiasa dalam keamanan dan keharmonian. Kata beliau: “Sesiapa yang mahu selamanya dalam keselamatan, dan sentiasa dalam kemenangan ke atas mereka yang memusuhi, dan kesejahteraan tanpa penderitaan, maka dia ialah mereka yang tidak tahu maksud bebanan taklif, atau memahami maksud *Taslim* (penyerahan diri).”

Selain itu, golongan yang diuji dengan sakit mental seperti pesakit kemurungan, *bipolar* dan *skizofrenia* yang boleh menyebabkan hilang kesedaran juga termasuk dalam kumpulan ini (Azman Ab Rahman, Zulkifli Mohamad Al-Bakri, dan Mohammad Naqib Hamdan, 2015). Hal ini menunjukkan bahawa walaupun golongan ini melakukan perbuatan atau kesalahan mereka yang mukallaf ketika berada di luar kesedaran mereka, Allah tidak akan mengambil kira kesalahan tersebut sebagai satu dosa atau kesalahan.

Terdapat peristiwa lain yang turut direkodkan dalam hadis riwayat Ibn ‘Abbas yang menjelaskan keadaan ini. Kisahnya berlaku apabila seorang wanita yang yang dikenali sebagai Ummu Zufar yang menghidap penyakit sawan datang menemui Baginda Nabi SAW agar mendoakan kesembuhannya dan mengadu bahawa penyakitnya itu telah menyebabkan auratnya terdedah. Lantas Baginda SAW bersabda:

“Jika kamu mahu, kamu boleh bersabar, dan untuk engkau syurga. Jika kamu mahu, saya akan mendoakan kamu. Allah akan menyembuhkan kamu”. [Riwayat al-Bukhari; Sahih al-Bukhari, no hadis: 5652]

Wanita itu lantas memilih syurga berbanding kesembuhan yang kekal.

Hadis ini memberi isyarat khususnya untuk golongan OKU, bahawa memilih untuk menghadapi ujian dan kesulitan dengan menjalani kondisi yang mencabar itu lebih utama berbanding mengambil rukhsah sekiranya mereka mendapati diri mereka mampu bertolak ansur dan bersabar dengan kesusahan tersebut (Ibn Battal, 2003) melihatkan kepada kelebihan dan janji yang Allah berikan kepada mereka bahawa sesungguhnya bersabar terhadap ujian dunia itu boleh mewarisi syurga (Al-’Asqalāni, 1957).

iv. Dihapuskan Dosa dan Diangkat Darjat

عن أبي سعيد وأبي هريرة رضي الله عنهمما عن النبي ﷺ قال: «مَا يُصِيبُ الْمُسْلِمَ مِنْ نَصَبٍ وَلَا وَصَبٍ وَلَا حَمَّ وَلَا حَزَنٍ وَلَا أَذْى وَلَا غَمٌ، حَتَّى الشَّوْكُ يُشَاكُهَا إِلَّا كَفَرَ اللَّهُ بِهَا مِنْ خَطَايَاهُ»

Daripada Abu Sa'id dan Abu Hurairah RA, daripada Nabi SAW bersabda: "Tidaklah ditimpa seseorang muslim itu sesuatu penyakit dan keletihan kegusaran dan kesedihan gangguan dan kesukaran, sekalipun duri yang melukainya melainkan dihapuskan Allah SWT akan kesalahan-kesalahannya.".[Riwayat al-Bukhāri, Sahīh al-Bukhāri, no: 5641, dan Muslim, Sahīh Muslim, no: 2573]

Hadis ini mengkhabarkan bahawa segala bentuk musibah dan kesusahan sama ada yang berbentuk zahir seperti sakit fizikal atau kehilangan anggota, maupun yang batin seperti rasa risau dan dukacita tentang sesuatu yang ditimpakan akan diampunkan dosa oleh Allah SWT. Dalam memahami maksud musibah, al-Kirmaani (1981) mentakrifkan kebiasaannya adalah suatu ujian atau *bala'* atau perkara yang tidak disukai oleh seseorang. Justeru, Nabi SAW bersabda:

"Sesiapa yang Allah mahukan kebaikan padanya, Dia akan mengujinya."

Hadis ini merupakan khabar gembira yang cukup besar kepada orang mukmin keseluruhannya, kerana musibah seperti yang telah dinyatakan tidak ada hentinya bahkan sentiasa berterusan (al-Qistillāni, 1901). Oleh itu, Ibn al-Qayyim (1973) mengatakan bahawa sesiapa sahaja yang Allah ciptakannya untuk ke syurga, maka ujian dan musibah akan sentiasa datang kepadanya. Justeru orang yang teguh imannya akan menghadapinya dengan sabar, dan tidak akan membunyikan keluhan pada lidahnya, bahkan menyembunyikan musibah tersebut. Allah berfiman dalam Surah al-Tagħabun, [64:11]:

"Tidak ada kesusahan (atau bala bencana) yang menimpa (seseorang) melainkan dengan izin Allah; dan sesiapa yang beriman kepada Allah, Allah akan memimpin hatinya (untuk menerima apa yang telah berlaku itu dengan tenang dan sabar).."

Hal ini kerana ketidaksabaran akan mengundang lebih banyak musibah lain sehingga tiada lagi kebaikan yang Allah mahukan padanya (Ibn Uthaimin, 2004). Hal ini juga sangat bertepatan dengan pendapat Al-Ghazali (2006) yang mengulas bahawa banyaknya mengeluh dan cemas dengan ujian, akan ditimpakan dengan dua musibah, iaitu selain daripada kehilangan anggota atau apa-apa musibah dan kekurangan yang dihadapi, seseorang itu juga turut terlepas daripada mendapat ganjaran dan gantinya di akhirat kelak.

Justeru, al-Qistillāni (1901) menukilkan syarahan al-Baidawi tentang gambaran asal musibah diturunkan adalah sebagai pembersih daripada dosa-dosa sekaligus mengangkat darjat hamba-Nya, dan merupakan '*Tibb Ilahi*' (Perubatan Tuhan) dalam menyembuhkan hamba-Nya daripada penyakit dosa. Maka apabila Allah menguji seseorang hambanya dengan suatu musibah, ini tidak bermakna Allah muh menghapuskan dosanya semata-mata, tetapi itu juga sebagai tanda Allah ingin mengangkat darjat dan mengurniakan kebaikan kepada hamba-Nya tersebut.

v. Berpeluang Menjalani Ibadah Yang Luas

عن ابن عباس، عن رسول الله ﷺ فيما يروي عن ربه تبارك وتعالى، قال: «إِنَّ اللَّهَ كَتَبَ الْحُسْنَاتِ وَالسَّيْئَاتِ، ثُمَّ بَيْنَ ذَلِكَ، فَمَنْ هُمْ بِحَسَنَةٍ فَلَمْ يَعْمَلُهَا، كَتَبَهَا اللَّهُ عِنْدَهُ حَسَنَةً كَامِلَةً، وَإِنْ هُمْ بِهَا فَعَمِلُهَا، كَتَبَهَا اللَّهُ عَزَّ وَجَلَّ عِنْدَهُ عَشْرَ حَسَنَاتٍ إِلَى سَبْعِ مِائَةٍ ضَعْفٍ إِلَى أَضْعَافٍ كَثِيرَةٍ، وَإِنْ هُمْ بِسَيِّئَةٍ فَلَمْ يَعْمَلُهَا، كَتَبَهَا اللَّهُ عِنْدَهُ حَسَنَةً كَامِلَةً، وَإِنْ هُمْ بِهَا فَعَمِلُهَا، كَتَبَهَا اللَّهُ سَيِّئَةً وَاحِدَةً»

Daripada Ibn ‘Abbas, Rasulullah SAW telah menyampaikan daripada Tuhan yang Maha Berkah dan Tinggi: “Sesungguhnya Allah telah menetapkan kebaikan dan keburukan, kemudian menjelaskan hal tersebut. Maka sesiapa yang ingin (bertekad) melaksanakan satu kebaikan namun dia tidak melakukannya, Allah mencatatnya sebagai satu kebaikan sempurna di sisi-Nya. Dan sekiranya dia berniat melakukannya dan kemudian melaksanakannya maka Allah akan mencatatnya sebagai sepuluh kebaikan hingga tujuh ratus kali ganda, bahkan hingga berganda-ganda. Dan sekiranya dia berniat berbuat keburukan (maksiat), kemudian dia tidak melakukannya maka Allah mencatat untuknya satu kebaikan penuh, sedangkan jika dia berniat (bermaksiat) kemudian dia melaksanakannya, Allah mencatatnya sebagai satu maksiat.”[Riwayat Muslim, Sahih Muslim, no. 131].

Hadis Qdsi ini secara umumnya menjelaskan bahawa Allah menjanjikan ganjaran tertentu kepada seseorang yang berazam melakukan kebaikan sekalipun dia tidak melaksanakannya, malah melipatgandakan ganjaran tersebut bagi mereka yang benar-benar melakukannya. Hadis ini merupakan satu bentuk khabar gembira kepada orang beriman keseluruhannya dalam mengharapkan kurniaan Allah, dan belas kasihan-Nya. Hal ini kerana Dialah Tuhan yang memberikan inspirasi dalam jiwa seseorang untuk melakukan sesuatu kebaikan, lalu Dia juga yang merealisasikannya dalam bentuk perbuatan yang jitu dibawah takluk pengetahuan, kekuasaan, keadilan dan kelembutan-Nya (al-Bugha, 2007).

Jika dikaji makna hadis dalam konteks OKU, Allah turut merakamkan janji yang sama terhadap golongan ini dalam firman-Nya di dalam Surah al-Nisa; [4: 95], yang menjawab pertikaian Ibn Ummi Maktum tentang keadaannya yang uzur untuk ikut berperang, mafhumnya berbunyi:

“Tidaklah sama keadaan orang-orang yang duduk (tidak turut berperang) daripada kalangan orang-orang yang beriman (selain mereka yang ada keuzuran) dengan orang-orang yang berjihad pada jalan Allah dengan harta dan jiwanya..”

Ayat ini membawa tafsiran bahawa mereka yang berniat dan berazam melakukan sesuatu perintah atau kebaikan, namun terhalang disebabkan oleh kekurangan dan ketidakupayaan tertentu, akan turut mendapatkan ganjaran yang sama seperti orang yang melaksanakannya (Al-Sa’di, 2000). Ini kerana niat yang tulus dan tekad yang benar menjadi tunjang bagi penerimaan setiap amalan dalam menjemput ganjaran daripada Allah kerana niat berfungsi sebagai pemisah antara adat dan ibadah (Ibn Uthaimin: 2004).

Perkara yang sama turut mendapat perhatian oleh Said Nursi (2002) dalam Risalah beliau untuk para pesakit. Menurut beliau, sakit atau musibah mampu mengubah setiap detik umur seseorang menjadi suatu ibadah. Malah, beliau turut membahagikan ibadah kepada dua bentuk iaitu ibadah berbentuk aktif atau jasmani dalam erti kata pergerakan anggota tubuh untuk melaksanakan ibadah tertentu seperti solat, dan ibadah berbentuk pasif atau ruhani, iaitu dengan menzahirkan rasa lemah di hadapan Allah dan sentiasa memohon perlindungan daripada-Nya dengan penuh ketulusan.

Beliau turut menerangkan bahawa kebiasaan golongan yang terhalang daripada beribadah secara aktif, akan mendapatkan ganjaran melalui pintu ibadah pasif seperti sabar dan seumpamanya yang mengantikan ibadah aktif (Nabilah Nik Sulaiman, dan Ros Aiza Mohd Mokhtar, 2022). Maka jelas difahami bahawa ibadah OKU tidak hanya terbatas dengan keterbatasan kudrat mereka, namun lebih luas dengan menghadirkan sepenuhnya rasa kelembahan diri, kehambaan, sabar dengan ujian serta syukur di samping sentiasa bersangka baik dengan ketentuan-Nya.

vi. Menjadi Sumber Turunnya Rahmat Allah

عن مصعب بن سعد، قال: رأى سعد رضي الله عنه، أن له فضلاً على من دونه، فقال النبي ﷺ: «هَلْ تُنْصَرُونَ وَتُنْزَفُونَ إِلَّا بِضُعْفَائِكُمْ»

Dari pad Mus'ab bin Sa'd, beliau berkata: Sa'd RA telah merasakan bahawa dia memiliki kelebihan (kekuatan) yang tiada pada (sahabat) yang lain, lantas Nabi SAW bersabda: "Tidaklah kamu diberi pertolongan (kemenangan) dan diberi rezeki (harta rampasan) melainkan kerana orang-orang lemah dalam kalangan kamu." [Riwayat al-Bukhāri, al-Jami' al-Sahīh, no: 2896]

Hadis ini menunjukkan bahawa Nabi SAW telah menegur sahabatnya yang merasakan bahawa dirinya mempunyai kelebihan berbanding dengan sahabat yang lain (Nur Fadliana Che Di, 2014) dan mengingatkannya bahawa kelebihan yang Allah kurniakan itu tidak lain hanyalah hasil doa dan munajat daripada orang-orang yang lemah dalam kalangan mereka. Jika dilihat dari sudut kefahaman al-Bukhāri (*Fiqh al-Bukhāri*) dalam menamakan bab, hadis ini berkaitan kelebihan dan kemenangan para sahabat ketika dalam perang. Maka mereka yang lemah jelas dirujuk kepada golongan OKU, seperti yang Allah firmankan dalam Surah al-Fath; [48: 17].

"Tidaklah menjadi salah kepada orang buta, dan tidaklah menjadi salah kepada orang tempang, dan tidaklah menjadi salah kepada orang sakit (tidak turut berperang).."

Jika ditelusuri makna hadis dengan lebih mendalam, dapat difahami bahawa setiap apa yang Allah anugerahkan kepada seseorang dalam apa jua bentuk bantuan dan kemenangan atau kesenangan bukan kerana usahanya semata-mata, namun dengan bantuan dan doa orang-orang yang lemah yang murni. Menurut Ibn Battal (2003) hadis ini turut memberi tafsiran bahawa orang-orang yang lemah lebih ikhlas dalam berdoa dan lebih khusyuk dalam beribadah kerana kurangnya kebergantungan hati mereka terhadap dunia dan perhiasannya.

Hal yang sama sekali lagi mendapat isyarat oleh Said Nursi (2002). Dalam isu ini beliau menggambarkan mereka yang OKU terutamanya daripada kalangan kanak-kanak istimewa dan orang tua yang uzur sebagai barang dagangan ukhrawi yang menuntut orang ramai agar berlumba-lumba untuk meraih keuntungan daripadanya. Maka jelas disini bahawa kewujudan mereka yang OKU ini tidak wajar dipandang sebagai beban, bahkan sebaliknya mereka merupakan anugerah dan hadiah bagi membuka pintu rezeki dan kebaikan buat orang lain dengan lebih luas.

Hasil daripada pernyataan ini pengkaji dapat simpulkan bahawa secara zahirnya, hanya OKU sahaja yang mendapatkan pertolongan dan bantuan daripada orang sekeliling dalam urusan sehari-hari mereka, namun hakikat tersembunyi yang kita tidak lihat adalah sebaliknya golongan tipikal juga turut mendapat manfaat dan kebaikan dalam menyantuni dan memberi bantuan kepada golongan OKU tersebut. Jika konsep ini dihayati dan difahami dengan benar, maka tidak ada lagi istilah 'dibebani' atau 'membebani' bagi kedua-dua pihak, sama ada OKU dan golongan tipikal kerana kedua-duanya saling menjemput rahmat dan bantuan daripada Allah.

4. KESIMPULAN

Kesimpulannya, kita tidak dapat menafikan bahawa kekurangan seseorang individu OKU sama ada dari sudut fizikal, mental, atau intelektual ini merupakan sebahagian daripada ujian dan musibah yang Allah turunkan kepada insan yang terpilih. Sungguhpun demikian, Allah tidak menjadikan kekurangan tersebut sia-sia, bahkan tujuan seseorang itu ditimpakan dengan suatu musibah sarat dengan hikmah seperti yang Baginda SAW khabarkan dalam dapatan kajian.

Secara ringkasnya, kekurangan seseorang individu OKU itu dijanjikan padanya penghapusan dosa, terselamat daripada diazab, selain daripada diangkat darjat mereka, lalu dengannya memperoleh nikmat syurga yang tiada gantinya. Selain itu, golongan ini juga akan digantikan kekurangan fizikalnya dan dibangkitkan semula dengan kesempurnaan yang tiada tandingannya. Di samping itu, ibadah mereka juga tidak terhad kepada ibadah bersifat jasmani kerana diberikan rukhsah dan keringanan, bahkan lebih luas dengan ibadah bersifat rohani. Tidak hanya demikian, golongan tipikal yang berada dalam kelompok OKU turut mendapat rahmat dan pertolongan daripada Allah asbab menyantuni dan membantu mereka. Sungguhpun demikian, tidaklah khabar dan janji ini termeterai melainkan setelah dibayar dengan “harga” sabar dan menerima ketentuan-Nya dengan penuh redha dan syukur.

Justeru, pengkaji melihat bahawa janji-janji dan khabar gembira yang Baginda SAW telah sampaikan ini penting untuk disebarluaskan, baik dalam kalangan OKU atau masyarakat tipikal secara umum agar konsep musibah yang sebenar dapat difahami sekaligus dapat menukar stigma dan persepsi sesetengah mereka yang melihat perkara ini dengan pandangan yang negatif. Hal ini signifikan kerana kefahaman dan fikiran yang benar tentang sesuatu perkara akan memberi impak yang besar terhadap pembentukan akhlak dan peribadi seseorang. Ini kerana pemikiran yang berasaskan ilmu yang hakiki akan mendorong kepada lintasan hati (*al-Khawātir*) seseorang yang seterusnya akan melahirkan rasa cinta (*al-Raghbah*) atau keinginan lalu kemudian berpindah menjadi tekad (*al-‘Azm*) yang kuat yang menjadi pemangkin kepada niat yang tulus lantas diterjemahkan melalui perilaku individu tersebut (*al-Ghazali*: 2004).

RUJUKAN

Al-Quran

Ab Aziz Mohd Zin, et al. (2009). *Dakwah Islam Terhadap Golongan Orang Kurang Upaya*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya Press.

Aizan Sofia Amin, Hammad Mohd Saidi, Nur Saadah Mohamad Aun, Mohd Nasir Selamat, Mohd Iqbal Haqim Mohd Nor. (2018). Isu dan Cabaran Pekerjaan Orang Kurang Upaya Penglihatan di Malaysia. *Jurnal Psikologi Malaysia* 32 (4): 55-65 ISSN-2289-8174.

Al- ‘Aini, Mahmud Ahmad. (Tt). *‘Umdah al-Qāri Sharh Sahīh al-Bukhāriy*. Beirut: Dar Ihya al-Turath al- ‘Arabiyy.

Al- ‘Asqalāniy, Ahmad ‘Ali. (1957). *Fath al-Bāriy Sharh Sahīh al-Bukhāriy*. Beirut: Dari al-Ma’rifah

Al-Bugha, Mustafa Dib. (2007). *Al-Wāfiy fī Syarh al-Arba’iñ al-Nawawiyyah*. Beirut: Dar al-Kalim al-Tayyib.

Al-Ghazali, Muhammad Muhammad. (2004). *Ihyā ‘Ulum al-Dīn*. Qaherah: Dar al-Hadis.

Al-Ghazali, Muhammad Muhammad. (2006). *Minhāj al-‘Abidīn ila Jannati Rab al-‘Ālamīn*. Beirut: Dar al-Minhaj.

Al-Kirmaani, Muhammad Yusuf. (1981). *Al-Kawākib al-Durari fi Sharh Sahīh al-Bukhāri*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabiyy.

Al-Qistillāni, Ahmad Muhammad. (1901). *Irshad al-Sāri Li Sharh Sahīh al-Bukhāri*. Mesir: al-Matba'ah al-Kubra al-Amiriah.

Al-Qurtubi, Muhammad Ahmad. (1964). *Al-Jami' Li Ahkām al-Qurān= Tafsir al-Qurtubi*. Ahmad al-Barduni, Ibrahim Atfish. Kaherah: Dar al-Kutub al-Misriyyah.

Al-Sa'di, 'Abd Rahman Nasir. (2000). *Taysīr al-Karim al-Rahmān fi Tafsīr Kalām al-Mannān*. 'Abd Rahman bin Ma'la al-Lawayhiq. Muassasah al-Risalah.

Al-Tabari, Muhammad Jarir. (2000). *Jami' al-Bayan fi Ta'wil al-Quran*. Ahmad Muhammad Shakir. Muassah al-Risalah.

Azman Ab Rahman, Muhammad Faiz Abd. Shakor, Norakyairee Mohd Raus, Mohd Nur Adzam Rasdi, Ahmad Wifaq Mokhtar, Zahari Mahad Musa, Nurul Nadia Nozlan. (2022). Kedudukan Taklif Orang Kurang Upaya (OKU) Dalam Pelaksanaan Ibadat. Seminar Antarabangsa Islam dan Sains 2022. Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).

Azman Ab Rahman, Zulkifli Mohamad Al-Bakri, Mohammad Naqib Hamdan. (2015). Fiqh Ibadat Orang Kelainan Upaya. Penerbit: USIM.

Blaxter, M. (1976). *The Meaning of Disability (A Sociological Study of Impairment)*. London: Heinemann.

Dewan Bahasa dan Pustaka. Kamus Dewan. 2005. Edisi Keempat.

Ibn al-Jauzi, Abd Rahman 'Ali. (2004). *Soid al-Khātir*. Husnu al-Masahiy Suwaidan. Damsyik: Dar al-Qalam.

Ibn al-Qayyim, Muhammad Abu Bakr. (1973). *Al-Fawāid*. Beirut: Dar al-Kutub Ilmiah.

Ibn Battal, 'Ali Khalaf. (2003). *Sharh Sahīh al-Bukhāriy Libni Battal*. Yasir bin Ibrahim. Riyadh: Maktabah al-Rushd.

Ibn Mulaqqin, 'Umar 'Ali. (2008). *Al-Taudīh Li Sharh al-Jami' al-Sahīh*. Damsyik: Dar al-Nawadir.

Ibn Rajab, 'Abd Rahman Ahmad. (1996). *Fathul Bāri*. Madinah: Maktabah al-Ghuraba' al-Athariyah.

Ibn Uthaimin, Muhammad Salih. (2004). *Sharh Riyādh al-Solihīn*. Riyadh: Dar al-Watn.

Izzatul Najiha Baharudin & Farhah Zaidar Mohamed Ramli. (2020). Orang Kurang Upaya (OKU) Menurut Perspektif Al-Quran Dan Hadis. E-Proceeding of 2nd International Conference on Contemporary Issues in Al-Quran and Hadith 2020. eISBN e978-967-2122-86-9

Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia (JKMM). Diakses daripada laman web https://oku.jkm.gov.my/documents/download/Garis_Panduan_Pendaftaran.OKU_Pindaan_2019.pdf pada 19 September 2025

Majlis Kebangsaan Bagi Orang Buta Malaysia (NCBM). (2017). Panduan Memberi Sokongan dan Berinteraksi Dengan Orang Kurang Upaya (OKU). Sylog Print Systems Sdn. Bhd. (166439.T).

Mohd Khairulnazrin Mohd Nasir, Muhammad Arif Yahya, Rahim Kamarul Zaman. (2019). Sumbangan Ilmuan Hadis daripada Golongan Orang Kelainan Upaya (OKU): Satu Analisis. Islamiyyat 41(2) 2019: 107-115.

Mulla ‘Ali Qari, Ali Sultan. (2007). *Jam’u al-Wasāil fi Syarh al-Syamāil*. Mesir: Dar al-Masyrafi

Nabilah Nik Sulaiman & Ros Aiza Binti Mohd Mokhtar. (2022). Konsep Teodisi Dari Perspektif Said Nursi Dalam Risalah an-Nur Mengenai Permasalah Penyakit atau Kesakitan. E-Prosing Seminar Antarabangsa Falsafah, Tamadun, Etika Dan Turath Islami (i-STET) 2022. Penerbit USIM. e-ISBN: 9789670001746.

Nur Fadliana Che Di. (2014). Interaksi Rasulullah S.A.W Bersama Orang Kelainan Upaya (OKU): Kajian Layanan Terhadap Mahasiswa Kelainan Upaya di Universiti Malaya. Akademi Pengajian Islam. Universiti Malaya.

Nursi, Sa‘id. (2002). Risalah Untuk Para Pesakit. Sadiq Ozata. Kuala Lumpur. Pusat Penterjemahan dan Kajian Ilmiah Penerbitan Hayrat. <https://risalahonline.com/ms/>

Syed Shahridzan Syed Mohamed. (2022). Kedudukan Taklif Dalam Pelaksanaan Ibadat Bagi OKU Masalah Pembelajaran, Pelbagai Dan Mental. Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa. Vol 27, No 4. ISSN: 2232-2047.

Zinaida Ariffin. (2006). Kerjaya Untuk Orang Kurang Upaya. Bentong: Kuala Lumpur. PTS Profesional.

Zulkifli Mohamad Al-Bakri. (2022). #664 Tinggi Penghuni Syurga. Diakses daripada laman web <https://zulkiflialbakri.com/664-tinggi-penghuni-syurga/> pada 20 September 2024.

Siti Nadia binti Ashari (Corresponding author)

Jabatan Pengajian Quran Dan Sunnah

Kuliah Abu Hamid Abu Sulaiman Ilmu Wahyu Dan Warisan Islam Dan Sains Kemanusiaan

Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

Jalan Gombak

53100, Kuala Lumpur, Selangor, MALAYSIA

Email: sitinadiaashari@gmail.com

Nur Arif bin Jasmin al-Autism

Jabatan Pengajian Quran Dan Sunnah

Kuliah Abu Hamid Abu Sulaiman Ilmu Wahyu Dan Warisan Islam Dan Sains Kemanusiaan

Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

Jalan Gombak

53100, Kuala Lumpur, Selangor, MALAYSIA

Email: nur.arif.jasmin@gmail.com